Glosari, Akronim dan Singkatan

Aset digital/Aset kripto
Aset digital ialah perwakilan digital nilai yang boleh didagangkan atau dipindahkan secara digital dan boleh digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan. Aset digital terutamanya memanfaatkan kriptografi dan teknologi lejar teragih (DLT), yang membolehkannya diurus niaga tanpa memerlukan perantara. Secara amnya, aset digital boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama - aset digital tidak disandarkan (contohnya, Bitcoin, Ether) dan stablecoin (contohnya, Tether, USD Coin), yang bertujuan untuk mengekalkan nilai yang stabil berbanding aset tertentu atau kumpulan aset. Untuk makluman, aset digital tidak termasuk perwakilan digital mata wang fiat yang dikeluarkan oleh badan berdaulat

Aset kewangan isi rumah
Aset yang dimiliki oleh isi rumah termasuk deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan ekuiti, polisi insurans/sijil takaful dan simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Aset kewangan mudah tunai isi rumah
Aset kewangan isi rumah kecuali simpanan KWSP

Aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA)
Aset yang boleh ditukar kepada tunai secara mudah dan segera dengan sedikit atau tanpa kehilangan nilai

Bai' al-Sarf
Merujuk kontrak pertukaran wang dengan wang yang sama atau berbeza jenis

Bank asing diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign bank*, LIFB)
Bank komersial atau bank Islam berlesen milik asing yang diperbadankan di Malaysia

Beli dahulu bayar kemudian (*buy-now-pay-later*, BNPL)
Kemudahan yang membolehkan pelanggan menangguhkan bayaran sesuatu barangan atau perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui, di mana bayaran itu telah didahulukan oleh penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service provider*, FSP) (atau bersama dengan rakan kongsi) kepada penyedia/peniaga barangan atau perkhidmatan tersebut. Kemudahan ini tidak terpakai untuk transaksi jualan kredit seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta pemberian pinjaman wang seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951

Ekuiti negatif (harta tanah)
Harga harta tanah yang berada di bawah baki terkumpul bagi pinjaman yang digunakan untuk membeli harta tanah tersebut

Financial Action Task Force (FATF)
Badan pemerhati global aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Badan antara kerajaan ini merumuskan piawaian antarabangsa yang bermatlamat untuk mencegah aktiviti haram dan mudarat yang diakibatkan oleh aktiviti ini kepada masyarakat. Sebagai badan perumus dasar, FATF berusaha mewujudkan hasrat politik (*political will*) yang diperlukan untuk menghasilkan pembaharuan perundangan negara dan pengawalseliaan dalam bidang ini

Greenwashing
Amalan syarikat yang membuat dakwaan palsu atau mengelirukan mengenai usaha mereka dalam mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim atau membesar-besarkan kesan daripada usaha mereka

Hibah
Merujuk pemindahan hak milik bagi sesuatu aset daripada penderma (*wahib*) kepada penerima (*mawhub lahu*) tanpa sebarang balasan

Hutang luar negeri berisiko bank
Bahagian hutang luar negeri bank yang lebih terdedah kepada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba

Ijarah
Merujuk:

(a) kontrak sewaan yang memindahkan pemilikan manfaat sesuatu aset kepada individu lain bagi suatu tempoh tertentu dengan pertukaran suatu balasan tertentu; atau

(b) kontrak untuk mendapatkan perkhidmatan seseorang bagi suatu tempoh tertentu dengan pertukaran suatu balasan tertentu

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI)
Instrumen pemantauan risiko untuk mengukur tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik dan pendorong tekanan pasaran

Istisna'
Merujuk sesebuah kontrak penjualan aset yang belum dibina, dibangunkan atau dikilangkan, mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui oleh penjual kepada pembeli. Aset tersebut hendaklah diserahkan pada suatu tarikh dan dengan harga yang telah dipersetujui terlebih dahulu

Jumlah modal
Jumlah modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada jumlah modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Tambahan Kumpulan 1 dan Kumpulan 2

Kafalah
Merujuk suatu kontrak yang penjaminnya bergabung dengan pihak yang dijamin dalam menanggung liabiliti tertentu untuk pihak yang dijamin

Keuntungan/kerugian operasi
Jumlah keuntungan/kerugian pengunderaitan, pendapatan pelaburan bersih dan pendapatan lain, meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Keuntungan/kerugian pengunderaitan
Pendapatan premium insurans/sumbangan takaful diperoleh yang ditolak tuntutan bersih, komisen bersih dan perbelanjaan pengurusan, meliputi semua penanggung insurans/pengendali takaful am langsung serta penanggung insurans semula am

Kredit penggunaan
Pembiayaan yang diambil untuk tujuan penggunaan seperti pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain

Kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG)
Kumpulan kewangan milik tempatan yang terdiri daripada bank komersial berlesen, bank pelaburan berlesen dan bank Islam berlesen

Margin faedah bersih
Perbezaan antara pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah bank-bank sebagai sebahagian daripada jumlah aset yang mendapat faedah

Margin perkhidmatan kontrak
Komponen nilai bawaan aset atau liabiliti bagi sekumpulan kontrak insurans yang mewakili keuntungan tidak diperoleh yang akan diiktiraf oleh entiti apabila entiti itu menyediakan perkhidmatan kontrak insurans pada masa hadapan di bawah MFRS 17

Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
Komponen modal pengawalseliaan bank yang terdiri daripada saham biasa yang diterbitkan oleh institusi perbankan, keuntungan tertahan dan rizab lain

Mudarabah
Merujuk sesebuah kontrak antara pemodal (*rabbul mal*) dengan usahawan (*mudarib*). Dalam kontrak ini, rabbul mal akan menyediakan modal untuk diuruskan oleh mudarib. Sebarang keuntungan yang dijana daripada modal akan dikongsi antara rabbul mal dengan mudarib berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan (NPK) yang dipersetujui. Manakala kerugian kewangan pula akan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku (*ta`addi*), kecuaian (*taqsir*) atau pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan (*mukhalafah al-shurut*) oleh mudarib

Murabahah
Merujuk jual beli aset yang melibatkan penzahiran kos pembelian dan keuntungan kepada pembeli

Musyarakah
Merujuk sesebuah perkongsian antara dua pihak atau lebih. Semua pihak akan berkongsi keuntungan dan menanggung kerugian daripada perkongsian tersebut

Nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover*, BTC)
Nisbah yang mengukur kekukuhan permintaan untuk sekuriti semasa lelongan. Nisbah dikira mengikut nilai bida diterima semasa lelongan dibahagi dengan jumlah terjual

Nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book ratio*, P/B)
Nisbah harga saham kepada nilai buku saham

Nisbah harga kepada perolehan (*price-to-earnings ratio*, P/E)
Nisbah harga saham kepada nilai perolehan bank dalam tempoh 12 bulan lepas

Nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI)
Nisbah semua hutang terkumpul peminjam kepada pendapatan kasar tahunannya

Nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR)
Nisbah jumlah hutang bulanan dengan bank dan bukan bank kepada pendapatan boleh guna bulanan (ditolak potongan berkanun)

Nisbah kos kredit tahunan
Nisbah jejas nilai kerugian pinjaman tahunan dikenakan pada penyata pendapatan sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman terkumpul

Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR)
Nisbah pendanaan stabil tersedia (*available stable funding*, ASF) kepada pendanaan stabil yang diperlukan (*required stable funding*, RSF) bank. ASF merujuk sumber pendanaan institusi perbankan berwajaran mengikut kestabilan masing-masing, manakala RSF merujuk aset dan dedahan lain di luar penyata kedudukan kewangan berwajaran mengikut mudah tunai masing-masing

Nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*, ICR)
Nisbah perolehan syarikat sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan kepada perbelanjaan faedah. Nisbah ini mengukur keupayaan membayar balik hutang

Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan)
Nisbah jumlah peruntukan dan rizab pengawalseliaan kepada jumlah pinjaman terjejas

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)
Nisbah aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) bank kepada jangkaan aliran keluar tunai bersih bank untuk tempoh 30 hari akan datang

Nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV)
Nisbah pinjaman kepada nilai aset yang dibeli

Nisbah pinjaman terjejas bersih
Nisbah pinjaman terjejas ditolak peruntukan tertentu kepada jumlah pinjaman ditolak peruntukan tertentu

Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek
Nisbah tunai kepada hutang jangka pendek syarikat yang mengukur mudah tunai

Nominal KDNK
Keluaran dalam negeri kasar pada harga semasa

Pelan Kesinambungan Perniagaan (*business continuity plan*, BCP)
Pelan tindakan menyeluruh yang menggariskan prosedur, proses dan sistem yang diperlukan untuk meneruskan atau memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan

Pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plan*, DRP)
Pelan tindakan bertulis secara menyeluruh yang menggariskan prosedur dan proses untuk sistem IT dan keperluan-keperluan yang penting untuk menyokong dan memulihkan operasi perniagaan sesebuah institusi jika terjadinya gangguan

Pendapatan pengunderaitan bersih
Lebihan premium insurans/sumbangan takaful bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan lain, meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service provider*, TPSP)
Entiti-entiti yang menyediakan perkhidmatan rangkaian kepada sesebuah institusi kewangan di bawah pengaturan penyumberan luar termasuk syarikat-syarikat sekutu

Pertimbangan pengurusan
Peruntukan tambahan yang disediakan melebihi peruntukan asal berasaskan model jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL). Pertimbangan pengurusan memberikan penyesuaian risiko model disebabkan oleh kekurangan data atau ketidakpastian yang tidak dirangkumi secukupnya oleh model ECL

Pinjaman delinkuen
Akaun pinjaman tertunggak dua bulan

Pinjaman Tahap 2
Pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup, berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9)

Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP)
Platform teknologi bagi institusi kewangan tempatan untuk berkongsi risikan ancaman keselamatan siber dan amalan yang terbaik dengan pantas

Premium/sumbangan perniagaan baharu
Premium/sumbangan yang diperoleh daripada polisi/sijil baharu bagi tahun tertentu, meliputi semua penanggung insurans hayat/pengendali takaful keluarga langsung dan penanggung insurans semula hayat

Program pelaburan semula dividen
Program yang ditawarkan oleh bank yang membolehkan pemegang saham melabur semula dividen tunai ke dalam saham tambahan bank

Qard
Merujuk kontrak pemberian pinjaman wang yang diberikan oleh pemiutang kepada peminjam. Pihak peminjam terikat untuk membayar semula jumlah pinjaman dengan nilai gantian yang setara kepada pemiutang

Rahn
Merujuk kontrak yang melibatkan satu pihak sebagai pencagar (*rahin*) menggadaikan aset sebagai cagaran (*marhun*) kepada pihak lain iaitu penerima cagaran (*murtahin*), bagi memenuhi liabiliti atau kewajipan (*marhun bih*) penghutang yang terhutang kepada penerima cagaran sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran oleh penghutang

Rantaian blok
Lejar teragih yang dikemaskini dalam kumpulan transaksi yang dipanggil blok

Risiko fizikal
Kos ekonomi dan kerugian kewangan akibat daripada peningkatan tahap keterukan dan kekerapan

(i) peristiwa cuaca yang berkaitan dengan perubahan iklim yang melampau (atau peristiwa cuaca melampau) seperti gelombang haba, tanah runtuh, banjir, kebakaran hutan dan ribut (iaitu risiko fizikal akut);

(ii) peralihan iklim secara beransur-ansur dalam jangka lebih panjang seperti perubahan dalam kerpasan, cuaca yang berubah-ubah secara melampau, pengasidan lautan serta peningkatan paras laut dan suhu purata (iaitu risiko fizikal kronik atau risiko kronik); dan

(iii) kesan tidak langsung perubahan iklim seperti kehilangan perkhidmatan ekosistem (contohnya penggurunan, kekurangan air, kemerosotan kualiti tanah atau ekologi marin)

Rumah yang tidak terjual
Terdiri daripada unit kediaman, pangsapuri servis dan unit *small office, home office* (SOHO) yang tidak terjual selama lebih dari sembilan bulan dari tarikh pelancaran atau 1 Januari 1997. Unit-unit ini merangkumi (i) unit yang dilengkapi dengan Sijil Penyiapan Dan Pematuhan/Sijil Layak Menduduki/Sijil Layak Menduduki Sementara dalam tempoh kajian; atau (ii) unit dengan kelulusan pelan bangunan yang sedang dibina

Sekuriti pada kos terlunas (*amortised cost*, AC)
Sekuriti yang dibeli bagi tujuan pegangan sehingga tempoh matang. Perubahan dalam harga pasarannya tidak menyebabkan sebarang keuntungan atau kerugian tidak direalisasi

Sekuriti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI)
Sekuriti yang dibeli dengan tujuan untuk dijual sebelum mencapai tempoh matang, dengan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama dicatatkan dalam pendapatan komprehensif lain sehingga ia dijual

Sistem pembayaran runcit (*retail payment system*, RPS)
Sistem pemindahan dana yang biasanya menangani sejumlah besar pembayaran bernilai rendah dalam bentuk seperti cek, pindahan kredit, debit langsung dan transaksi pembayaran kad

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS)
Sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk pemindahan dana antara bank, penyelesaian sekuriti hutang dan perkhidmatan penyimpanan untuk sekuriti hutang tanpa skrip

Syarikat yang berisiko
Syarikat korporat bukan kewangan tersenarai dengan nisbah perlindungan faedah di bawah paras ambang kehematan dua kali

Tawarruq
Merujuk kontrak yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Seterusnya, pembeli bagi penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani

Tokenisasi aset
Proses mewakili aset pada lejar teragih secara digital. Token yang dikeluarkan wujud pada lejar dan mempunyai hak aset yang diwakili

Wa'd
Merujuk janji sebelah pihak, iaitu suatu ekspresi komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk menjalankan tindakan tertentu pada masa hadapan

Wadi'ah
Merujuk sesebuah kontrak yang melibatkan sesebuah aset diletakkan dengan pihak lain bagi tujuan penyimpanan

Wakalah
Merujuk sesebuah kontrak yang melibatkan satu pihak sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberikan kuasa kepada suatu pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugasan tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan sama ada dengan fi atau tanpa mengenakan fi

4PSP
penyedia perkhidmatan pihak keempat (*fourth-party service provider*)

AI/ML
kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin (*artificial intelligence and machine learning*)

AKPK
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

API
Application Programming Interface

BBK
broker komoditi dan bursa komoditi

BCBS
Basel Committee on Banking Supervision

BCM
pengurusan kesinambungan perniagaan (*business continuity management*)

BCP
pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*)

BNPL
beli sekarang bayar kemudian (*buy-now-pay-later*)

BTC
nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover*)

CAGR
kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual growth rate*)

CAR
nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*)

CASTD
nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (*cash-to-short-term debt ratio*)

CCA
Akta Kredit Pengguna (Consumer Credit Act)

CCOB
Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (Consumer Credit Oversight Board)

CCPT
Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy)

CoP
Komuniti Pengamal (Community of Practitioners)

CPMI
Committee on Payments and Market Infrastructures

CPO
minyak sawit mentah (*crude palm oil*)

CSE
latihan simulasi krisis (*crisis simulation exercise*)

CSP
penyedia perkhidmatan yang sangat penting (*critical service provider*)

DAR
hutang berisiko (*debt-at-risk*)

DBG
kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*)

DPS
Sistem Pembayaran Yang Ditetapkan (Designated Payment System)

DRP
pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plan*)

DSR
nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*)

DTI
nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*)

ECF
pemerolehan dana ekuiti melalui Internet (*equity crowdfunding*)

e-KYC
proses kenali pelanggan anda secara elektronik (electronic Know-Your-Customer)

E-MI
pengeluar wang elektronik (*electronic money issuer*)

ESG
alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*)

FATF
Financial Action Task Force

FCY
mata wang asing (*foreign currency*)

FFR
Federal Funds Rate

FinTIP
Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform)

FMSI
Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index)

FSP
penyedia perkhidmatan kewangan (*financial service providers*)

FVOCI
nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*)

FX
pertukaran mata wang asing (*foreign exchange*)

GRH
gas rumah hijau

HQLA
Aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*)

ICR
nisbah perlindungan faedah (*interest coverage ratio*)

IDS
sistem pengesan pencerobohan (*intrusion detection system*)

IKBB
institusi kewangan bukan bank

IKP
institusi kewangan pembangunan (*development financial institution*)

i-MILIKI
Inisiatif Pemilikan Rumah Keluarga Malaysia

IPS
sistem pencegahan pencerobohan (*intrusion prevention system*)

IT
teknologi maklumat (*information technology*)

ITO
penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*)

JC3
Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change)

JPJ
Jabatan Pengangkutan Jalan

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar (Gross Domestic Product)

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

KYC
Kenali Pelanggan Anda (Know-Your-Customer)

LCR
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio)

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre)

LIFB
bank asing diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign bank*)

LME
London Metal Exchange

LTV
pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*)

MFRS
Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standard)

MGII
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues)

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities)

MIS
sistem maklumat pengurusan (*management information system*)

MSPO
Minyak Sawit Mampan Malaysia

MST
ujian tekanan kesolvenan makro (*macro solvency stress test*)

NAPIC
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

NLP
Pemprosesan Bahasa Tabii (Natural Language Processing)

NOP
kedudukan terbuka bersih (*net open position*)

NSFR
Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio)

NSRC
Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre)

OPR
Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate)

OTP
kata laluan sekali sahaja (*one time password*)

P/B
harga kepada nilai buku (*price-to-book*)

P/E
harga kepada perolehan (*price-to-earnings*)

P2P
rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*)

PayNet
Payments Network Malaysia Sdn Bhd

PDPF
Dokumen Dasar Pembiayaan Peribadi (Policy Document on Personal Financing)

PDRF
Dokumen Dasar Pembiayaan Bertanggungjawab (Policy Document on Responsible Financing)

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PKS
perusahaan kecil dan sederhana

R&R
penjadualan dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*)

RBCF
Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital Framework)

RCLF
Kemudahan Mudah Tunai Komited Terhad (Restricted Committed Liquidity Facility)

RENTAS
Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System)

RMiT
Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology)

RPP
Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform)

RPS
sistem pembayaran runcit (*retail payment system*)

RSPO
Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Lestari (Roundtable on Sustainable Palm Oil)

RWA
aset berwajaran risiko (*risk-weighted assets*)

SB1
Senario Buruk 1

SB2
Senario Buruk 2

SJKP
Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad

SKMM
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

SLA
perjanjian tahap perkhidmatan (*service level agreement*)

SMS
khidmat pesanan ringkas (*short messaging service*)

SOHO
small office, home office

SRR
Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement)

TDDL
tidak diklasifikasikan di tempat lain

TPSP
penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service provider*)

VBI
Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation)

VBIAF
Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework)